

Kerjasama awam, swasta perkasa pelancongan

Berita Harian, 31/12/2020, M1519

Kuala Lumpur: Kerjasama sektor awam dan swasta memainkan peranan penting dalam memperkasakan zon pelaburan pelancongan, kata Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata, sesi libat urus antara kerajaan Persekutuan, negeri dan penggiat pelancongan dapat memastikan lokasi pelancongan tumpuan di sesebuah negeri diperluaskan secara global dan memberikan impak besar kepada ekonomi negara, selepas sempadan dibuka semula nanti.

"Kerjasama itu dapat membantu negeri mempromosi destinasi pelancongan masing-masing dengan lebih meluas, terutama bagi lokasi pelancongan yang lengkap dengan pusat beli-belah, taman tema dan pusat kebudayaan," katanya dalam Program Selamat Pagi Malaysia terbitan RTM semalam.

Nancy berkata, kementerianya adalah koordinator sekiranya penggiat pelancongan memerlukan bantuan dalam aspek kewangan dan imigresen, yang memer-



Nancy ketika ditemubual dalam Program Selamat Pagi Malaysia terbitan RTM semalam.

(Foto ihsan FB Nancy)

lukan rundingan dengan Kerajaan Persekutuan.

Beliau berkata, kementerian juga akan membantu penggerak industri pelancongan memohon pengecualian cukai pendapatan dan korporat.

Dalam pada itu, Nancy berkata,

pembangunan industri pelancongan berasaskan teknologi digital juga penting bagi memastikan objektif DPN 2020-2030 ini dapat dicapai.

"Produk pelancongan yang unik perlu dipromosikan secara digital kerana melalui platform

itu dapat memberikan impak meluas kepada pelancong luar terutama selepas sempadan dibuka nanti," katanya.

Sebelum ini Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan zon pelaburan untuk projek pelancongan diwujudkan

Kerjasama itu dapat membantu negeri mempromosi destinasi pelancongan masing-masing dengan lebih meluas, terutama bagi lokasi pelancongan lengkap pusat beli-belah, taman tema dan pusat kebudayaan.

Nancy Shukri,
Menteri Pelancongan,
Seni dan Budaya

kan bagi meningkatkan kerjasama awam-swasta serta menarik lebih ramai pelabur tempatan dan antarabangsa.

Ia adalah antara usaha yang akan dilaksanakan menerusi Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030.

BERNAMA